

HALAL GOODS AS A DA'WAH MEDIUM AND ITS CHALLENGES**BARANGAN HALAL SEBAGAI MEDIUM DAKWAH DAN CABARANNYA**

Mohd Nasir Ripinⁱ, Zulkiflee Haronⁱⁱ, Aminuddin Hehsanⁱⁱⁱ, Ahmad Muhyuddin Hassan^{iv}, Nasrul Hisyam Nor Muhamad^v, Nur Hidayati Jamil^{vi} & Noreen Mohd Hashim^{vii}

ⁱ Felo Penyelidik, CFIRST, UTM, Skudai, Johor. nasiripin@utm.my

ⁱⁱ Felo Penyelidik, CFIRST, UTM, Skudai, Johor. zulkiflee@utm.my

ⁱⁱⁱ Felo Penyelidik, CFIRST, UTM, Skudai, Johor. ahehsan@utm.my

^{iv} Pensyarah Kanan, FTI, UTM Skudai, Johor. amdean_01@yahoo.com

^v Pensyarah Kanan, FTI, UTM Skudai, Johor. nasrul@utm.my

^{vi} Pelajar Pascasiswazah, Fakulti Sains, UTM Skudai, Johor. hidayatijamil@yahoo.com.my

^{vii} Pelajar Pascasiswazah, Fakulti Komputeran, UTM Skudai, Johor. noreenmhdhashim@gmail.com

Abstract	<p><i>Each individual is obliged to either directly or indirectly perform da'wah especially to non-Muslims. At the same time, every Muslim is obliged to seek and use halal products in daily life. By using qualitative content analysis method, the objectives of this writing is to unveil the concept of halal, factors of halal goods benefits, halal products as a medium of da'wah, as well as its challenges. The result shows that halal products do not only have a secure, healthy freshness, but has many benefits. Plenty of benefits in halal products can be shared with all humans regardless of religion and can be practiced as culture. Thus, the use of halal goods became effective medium in preaching the beauty of Islam indirectly. Nevertheless, missionary approach through halal products has its own challenges.</i></p> <p>Keywords: <i>Halal da'wah, halal food, halal goods, da'wah medium, missionary challenge.</i></p>
Abstrak	<p><i>Setiap individu wajib melaksanakan dakwah terutamanya kepada bukan Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dalam masa yang sama, setiap Muslim wajib mencari dan menggunakan barangan halal dalam kehidupan harian. Dengan menggunakan metode kualitatif secara analisis kandungan, objektif tulisan ini adalah untuk menyingkap konsep halal, faktor kebaikan barangan halal, penggunaannya sebagai medium dakwah, serta cabarannya. Hasil kajian mendapati barangan halal bukan sekadar mempunyai kesegaran, selamat, sihat, tetapi juga mempunyai manfaat yang banyak. Manfaat dan kebaikan barangan halal yang banyak boleh dikongsi bersama semua manusia tanpa mengira agama secara mudah serta boleh dijadikan sebagai budaya. Lantaran itu, secara tidak langsung penggunaan barangan halal boleh menjadi medium dakwah yang berkesan. Begitupun, pendekatan dakwah menerusi barangan halal mempunyai cabaran tersendiri.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Dakwah halal, makanan halal, barangan halal, medium dakwah, cabaran dakwah</i></p>

PENDAHULUAN

Halal dan haram merupakan dua istilah penting dan digunapakai dalam kehidupan manusia. Konsep halal dalam fahaman dan amalan Muslim adalah berkait rapat dengan ajaran Islam itu sendiri. Al-Quran sebagai sumber dan rujukan utama Islam

banyak menitikpkan panduan untuk kehidupan manusia mengenai perkara halal serta haram. Misalnya, berkaitan kepenggunaan halal, Allah SWT berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ﴾

Maksudnya: “Wahai manusia! Makanlah apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh kamu yang nyata” (al-Quran. al-Baqarah:168).

Dalam ayat yang lain, firman-Nya:

﴿وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا﴾

Maksudnya: “Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu iaitu yang halal lagi baik” (al-Quran. al-Ma'idah: 88).

Ayat-ayat di atas antara lain menerangkan terdapat lima elemen utama dalam kehidupan ini, iaitu manusia, rezeki atau makanan, syaitan dan Allah serta perintah-Nya. Dalam konteks ini, Allah adalah Tuhan yang mencipta manusia. Manakala manusia sebagai makhluk dan hamba Allah mempunyai dua perkara, rezeki dan perintah-Nya. Allah SWT menetapkan bahawa rezeki atau makanan terbaik untuk manusia adalah makanan yang halal. Manakala barangan yang tidak halal perlu dijauhi kerana merupakan cara hidup yang mengikut syaitan, iaitu musuh manusia. Lantaran itu, menggunakan barangan atau makanan halal dan menjauhi yang haram merupakan suatu perintah Allah yang perlu dipatuhi oleh manusia.

Oleh kerana makanan atau barangan halal adalah penetapan terbaik Allah kepada manusia selaku hamba-Nya, maka tidak ada pilihan lain untuk manusia melainkan menjadikan yang halal sebagai budaya. Budaya halal menjadi mudah berkembang sekiranya digunakan secara meluas oleh semua manusia. Dalam konteks ini, manusia tidak memadai sekadar menjadi pengguna sahaja, malah mereka wajib menyebarkan kebaikan barangan halal kepada orang lain. Menyampaikan kebaikan barangan halal dalam rangka perintah dan larangan Allah merupakan suatu kefarduan dakwah. Hal ini memang dituntut dalam Islam kerana tanggungjawab dakwah mengenai ajaran agama menjadi asas kepada manusia untuk berkelakuan baik dan beretika (Ahmad et al., 2015).

Dakwah boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, dimensi dan aspek. Seperti penjelasan Muhammad Abu al-Fathi al-Bayanuni (1411) yang merumuskan dakwah sebagai menyampaikan mesej Islam kepada seluruh manusia, menyampaikan keindahan ajarannya serta melaksanakannya dalam kehidupan harian. Lantaran itu, dakwah merupakan satu bentuk medium untuk menjadikan barangan halal lebih mudah tersebar dan menjadi budaya hidup manusia. Hal ini lantaran mesej dakwah boleh berlaku secara langsung atau tidak langsung dalam bentuk penggunaan barangan atau produk halal. Secara langsung menerusi penerangan tentang Islam, manakala secara tidak langsung misalnya menerusi pengeluaran dan penggunaan barangan halal atau menerusi industri halal (Yunus Olalekan Muhammadul-Awwal, 2015).

Dakwah menerusi barangan halal dirasakan lebih mudah lantaran hari ini penggunaan barangan halal tidak lagi dianggap sebagai tuntutan agama semata, malah menjadi budaya penggunaan secara 'standard' dalam kalangan masyarakat dunia, Muslim dan non-Muslim (Golnaz et.al, 2010). Kesedaran tentang kebaikan halal menyebabkan industri tersebut berkembang di Moscow, Russia, dari USD70 million tahun 2006 kepada USD100 million tahun 2008 .

Manakala Canadian Agri-Food Trade Service Report (2008), melaporkan wujud permintaan yang tinggi kepada produk halal dalam kalangan negara bukan Muslim. Hal ini lantaran keyakinan mereka terhadap barangan halal lebih sihat dan selamat. Masyarakat bukan Muslim seperti di Russia sebagai contoh, melakukan pembelian barangan halal di kedai-kedai milik Muslim kerana percaya produk tersebut segar,

selamat dan meyakinkan. Manakala masyarakat non-Muslim di Filipina meyakini produk halal lebih selamat, sihat dan baik untuk digunakan (Muhammad, 2007).

Tulisan ini bertujuan menyoroti beberapa aspek barangan halal sebagai medium dakwah dengan penekanan kepada konsep makanan halal, manfaat atau penggunaan barangan halal sebagai medium dakwah dan cabaran pemasaran makanan halal serta cara mengatasinya.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai objektif di atas, tulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif secara analisis kandungan terhadap sumber literatur seperti teks al-Quran dan hadis, buku-buku, jurnal dan literatur lain berkaitan barangan halal, dakwah serta cabarannya (AS Long, 2006: 26). Metode ini disebut sebagai penentuan subjek dengan data atau fakta yang ditemui dianalisis menggunakan pendekatan induktif atau deduktif.

Induktif adalah analisis suatu fakta atau hal-hal khusus halal atau dakwah yang dinyatakan kepada kesimpulan umum. Manakala deduktif pula merujuk kepada cara meneliti pernyataan umum perkara halal atau dakwah dianalisis kepada kesimpulan khusus. Metode ini penting dalam kajian ini terutama apabila berkaitan dengan nas, teori atau gagasan idea bagi menilai atau membandingkan idea atau fakta tersebut untuk diterima atau ditolak (MB Miles and MHuberman, 1984:130-134).

KONSEP HALAL

Halal merupakan perkataan Arab yang diMelayukan, dari sudut bahasa bererti disahkan, diizinkan atau dibolehkan. Maksudnya, sesuatu makanan yang telah dibuktikan sah, maka halal atau boleh dimakan. Makanan yang telah termaktub di dalam al-Quran yang haram dimakan adalah larangan daripada Allah S.W.T. Makanan yang halal juga didefinisikan menurut Islam sebagai makanan yang baik untuk kesihatan jasmani dan rohani (Golnaz *et al.*, 2010, Muhammad *et al.*, 2009, RM Yunos *et al.*, 2014).

Kebaikan dan keistimewaan makanan halal kerana mempunyai ciri berikut:

Tiada Elemen Najis Dan Bangkai

Barangan halal perlu bebas dari elemen kotor seperti najis dan bangkai. Allah S.W.T menegaskan dalam al-Quran bahawasanya darah yang mengalir, babi dan bangkai (kecuali ikan dan belalang) adalah haram dimakan oleh manusia oleh kerana makanan yang mempunyai ciri tersebut merupakan najis. Semua jenis najis adalah haram seperti mana penegasan al-Quran:

﴿قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلًا لِعَيْرِ اللَّهِ بِهِ﴾

Maksudnya: "Katakanlah: 'aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan memakannya bagi yang ingin memakannya melainkan daging haiwan yang mati (bangkai), darah yang mengalir, daging babi kerana sesungguhnya semua itu adalah kotor atau binatang yang disembelih bukan atas (nama) Allah'" (al-Quran. al-An'am: 145)

Ayat tersebut menerangkan pada asalnya sesuatu makanan adalah halal melainkan terdapat najis, kotoran atau bangkai. Bangkai ialah binatang yang mati tanpa disembelih, mati kerana berlaga, mati kerana terjatuh dari tempat yang tinggi, mati kerana tercekik atau mati kerana disembelih tetapi tanpa menyebut nama Allah atau menyebut nama selain Allah (al-Ma'idah, 5: 3). Sesuatu bahagian yang dipotong dari binatang yang masih hidup statusnya adalah sama seperti bangkai. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

{ مَا قُطِعَ مِنَ الْبَهِيمَةِ وَهِيَ حَيَّةٌ فَمَا قُطِعَ مِنْهَا فَهِيَ مَيْتَةٌ }

Maksudnya: “Apa yang dipotong dari binatang selagi ia masih hidup adalah bangkai” (Hadis Abu Daud: 2858 & Ibn Majah: 3216).

Haiwan yang mati kerana dibunuh oleh binatang lain termasuk dalam kategori bangkai. Walau bagaimanapun haiwan yang telah dilatih untuk memburu oleh manusia itu sendiri bagi tujuan menangkap buruan tidak dikategorikan sebagai bangkai sekiranya menyebut nama Allah S.W.T ketika binatang pemburu itu dilepaskan untuk memburu. Haiwan itu dikategorikan sebagai halal sebagaimana firman Allah SWT:

﴿يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ﴾

Maksudnya: “Mereka bertanya kepadamu (Muhammad): ‘Apakah yang dihalalkan bagi mereka?’ Katakanlah, ‘Dihalalkan bagi kamu (adalah makanan) yang baik-baik, dan (buruan yang ditangkap) oleh binatang pemburu yang telah kamu ajar untuk berburu, yang kamu latih sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah daripada apa yang mereka tangkap untukmu dan sebutlah nama Allah (ketika kamu melepaskannya berburu): dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah maha cepat hitungan hisabnya” (al-Quran. al-Ma’idah: 4).

Terdapat dua jenis bangkai dan darah yang dihalalkan untuk dimakan. Dua bangkai tersebut adalah ikan dan belalang. Dua darah yang dimaksudkan pula ialah organ hati dan limpa. Hal ini dengan jelas diterangkan di dalam hadis Rasulullah S.A.W. Dalam sebuah hadis dari Ibn Umar bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ أُحِلَّتْ لَنَا مَيْتَاتَانِ وَدَمَانِ، فَأَمَّا الْمَيْتَاتَانِ: فَالْحَوْثُ وَالْجُرَادُ، وَأَمَّا الدَّمَانِ: فَالْكَبِدُ وَالطَّحَالُ }

Maksudnya: “Dihalalkan untuk dua bangkai dan dua darah. Adapun dua bangkai iaitu ikan dan belalang, sedangkan dua darah iaitu hati dan limpa” (Hadis Ibn Majah: 3314).

Tiada Kewujudan Bahaya Kepada Fizikal Manusia

Makanan atau minuman yang menyebabkan bahaya kepada fizikal manusia adalah racun. Selain itu, golongan yang minum minuman yang memabukkan, menghilangkan kewarasan dan akal yang sihat juga melalikan adalah termasuk dalam kategori bahaya untuk dikonsumsi. Dalam konteks ini, Allah SWT berfirman:

﴿وَلَا تُقْفُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu menjatuhkan (diri sendiri) ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri dan berbuat baiklah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik” (al-Quran. al-Baqarah: 195).

Allah berfirman lagi:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, (bekorban untuk) berhala, dan mengundi nasib dengan anak panah, adalah daripada perbuatan keji dan termasuk perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya (perbuatan-perbuatan) itu agar kamu beruntung” (al-Quran. al-Ma’idah: 5: 90).

Berkaitan hal ini, Rasulullah SAW bersabda daripada Abdullah Ibn Abbas:

{ لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ }

Maksudnya: “Tidak dibolehkan melakukan sesuatu yang membahayakan (darar) diri sendiri dan orang lain (dirar)” (Hadis. Ibn Majah: 2865).

Bukan Haiwan Buas

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

{ كُلُّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ فَأَكْلُهُ حَرَامٌ }

Maksudnya: “Setiap binatang buas yang bertaring adalah haram dimakan” (Hadis. Muslim: 1933).

Maksud hadis tersebut menerangkan bahawa binatang buas yang bertaring adalah haram dimakan. Haiwan yang dikategorikan sebagai buas dan bertaring termasuklah harimau, singa, buaya, serigala, kucing liar, anjing, kera, ular, dan setiap haiwan pemangsa. Selain itu, binatang bertaring kuku yang tajam juga dikelaskan sebagai haiwan yang haram dimakan. Sabda Rasulullah SAW menerusi riwayat Ibn Abbas:

{ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِي مَخْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ }

Maksudnya: “Rasulullah melarang memakan setiap haiwan buas yang bertaring dan berkuku tajam” (Hadis. Muslim: 1934).

Haiwan Yang Berhabit Di Laut

Haiwan buruan dan semua jenis makanan yang berasal dari laut adalah halal dimakan. Haiwan pelbagai spesies ikan laut dan makhluk hidup air adalah antara yang biasa dijumpai dan dimakan. Laut itu sesungguhnya adalah dari air yang suci dan halal bangkainya. Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T:

{ أَجَلٌ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَاعًا لَكُمْ وَلِلنَّاسِ }

Maksudnya: “Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu” (al-Quran. al-Ma'idah: 96).

Manakala maksud sabda Rasulullah SAW yang menjawab ketika ditanya tentang air laut:

{ هُوَ الطَّهُورُ مَاؤُهُ الْحَلَالُ مَيْتَتُهُ }

Maksudnya: “Ia (laut) suci airnya dan halal bangkainya” (Hadis. Abu Dawud: 83 & Ibn Majah: 386).

Haiwan Yang Mati Disembelih Dengan Menyebut Nama Allah

Haiwan yang halal dimakan jika kematiannya adalah kerana disembelih. Jika kematian haiwan tersebut bukan kerana sembelihan termasuk dalam kategori bangkai dan hukumnya tidak halal. Hal ini ditegaskan dalam al-Quran:

{ حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلِلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ

وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَامِ ذَلِكُمْ فِسْقٌ }

Maksudnya: “Diharamkan kepadamu (memakan) bangkai dan darah, daging babi, binatang-binatang yang disembelih bukan atas (nama) Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk dan yang dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih. Dan (diharamkan juga) yang disembelih atas nama berhala dan (diharamkan pula) kamu merenung nasib dengan azlam (anak panah) (kerana) ini suatu perbuatan fasik” (al-Quran. al-Ma'idah: 3).

Haiwan yang pada dasarnya haiwan yang dikelaskan sebagai halal dalam al-Quran adalah sah halalnya apabila ketika disembelih, penyembelih menyebut nama Allah. Firman Allah:

﴿فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ بِآيَاتِهِ مُؤْمِنِينَ. وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ﴾

Maksudnya: “Maka makanlah daripada (daging binatang) yang (ketika disembelih) disebut nama Allah jika kamu beriman kepada ayat-ayatnya. Dan mengapa kamu tidak mahu makan daripada apa (daging binatang) yang (ketika disembelih) disebut nama Allah, padahal Allah telah menerangkan kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atas kamu” (al-Quran. al-An’am: 118-119).

Haram memakan haiwan-haiwan yang disembelih tanpa menyebut nama Allah S.W.T atau menyebut nama selain daripada Allah S.W.T. berdasarkan firman-Nya:

﴿وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu makan daripada (daging binatang) yang (ketika disembelih) tidak disebut nama Allah, kerana perbuatan itu benar-benar suatu kefasikan” (al-Quran. al-An’am:121).

MANFAAT BARANGAN HALAL

Kewujudan manusia di dunia sebagai hamba dan khalifah Allah membina tamadun dengan makmur. Lantaran itu, Allah telah mempermudah segala isi alam untuk digunakan serta menetapkan aturan yang baik bagi setiap setiap penggunaan kemudahan tersebut. Dari sisi lain, segala aturan Allah merupakan suatu nikmat. Misalnya, makan, minum dan bernafas merupakan antara nikmat Allah bagi manusia meneruskan kelangsungan hidup dalam batasan atau aturan yang ditentukan Allah S.W.T. Dalam konteks ini, aturan menggunakan barangan atau makanan halal adalah makanan terbaik untuk manusia yang ditentukan Allah.

Ini bermakna, Allah tidak menurunkan sesuatu hukum atau aturan itu untuk menyusahkan manusia melainkan terdapat hikmah atau kebaikan disebalik aturan tersebut. Apabila manusia mencari makanan halal secara automatiknya mereka mendapat hidayah dan rahmat Allah S.W.T. Umpamanya, hidayah dalam perspektif kosmologi Melayu yang tergambar melalui kesan pemakanan berasaskan sumber halal yang sering diistilahkan sebagai terang hati apabila mudah menerima ilmu pengetahuan yang diajar.

Makanan yang halal adalah makanan yang bersih, justeru itu makanan ini membolehkan manusia hidup yakin sihat jasmani, rohani dan akal. Badan yang sihat bermula dari makanan yang sihat. Jika pemakanan yang halal dan bersih diamalkan maka tidak hairanlah badan manusia juga akan kekal bersih dan sihat. Kehidupan juga akan diredhai Allah. Betapa besar kebesaran Allah S.W.T apabila diredai-Nya, pelbagai kebaikan yang mampu kita capai, yakni doa diterima dan mendapat kusyuk dalam ibadat.

Malahan seperti rangkaian, apabila badan sihat, kehidupan diredhai Allah dan doa diterima secara tidak langsung akan membentuk akhlak yang baik kepada manusia. Lantaran itu, makanan dan minuman yang halal boleh mempengaruhi watak dan perangai manusia menjadi baik, dan seterusnya terhindar dari memiliki sifat mazmumah yang boleh merosakkan bangsa dan agama.

HALAL DALAM KONSEP DAKWAH

Perkataan halal secara sinonim merujuk kepada petunjuk makanan, kebersihan sesuatu makanan itu serta menepati perintah hukum syarak. Namun demikian, bukan hanya makanan sahaja perlu memenuhi aspek tuntutan syarak, tetapi aspek lain seperti pakaian, produk penjagaan wajah, produk pembersihan dan sebagainya harus menuruti hukum syarak ini juga. Semua produk atau barangan keperluan yang halal merupakan satu kaedah dakwah yang sering dipraktikkan tetapi tidak dikalamkan sebagai program dakwah.

Penggunaan barangan halal ini menjadi kaedah dakwah secara halus di mana segala amalan halal yang dipraktikkan Muslim dijadikan contoh kepada masyarakat bukan Islam. Amalan halal ini juga menunjukkan betapa indahnya Islam dalam memenuhi tuntutan kehidupan, termasuk keperluan makanan yang masuk ke dalam badan serta menjadi darah daging manusia. Apa yang dimakan itu seharusnya halal dan baik kerana kesannya bukan setakat membina jasmani, tetapi juga mempengaruhi peribadi seseorang.

Salah satu kaedah penyediaan makanan halal daripada daging adalah dengan cara sembelihan ke atas binatang tersebut. Haiwan yang halal dimakan harus disembelih terlebih dahulu sekiranya tidak disembelih dengan cara yang betul haiwan itu haram dimakan. Daging yang disembelih mempunyai banyak hikmah yang baik kerana aktiviti penyembelihan ini ditekankan Allah seperti disebut di dalam al-Quran menerusi surah al-Ma'idah (5), ayat 3. Hikmah Allah yang tersirat atau tercerna terhadap sesuatu perkara adalah luas.

Beberapa kajian sains tentang kaedah penyembelihan secara Islam telah dijalankan demi mencari hikmah di sebalik kaedah tersebut. Umat Islam umumnya mengetahui hikmah di sebalik suruhan Allah dalam setiap perintah dan larangan-Nya. Namun berlainan dengan orang bukan Muslim apabila setiap kaedah yang terdapat dalam suruhan atau larangan tersebut perlu dikaji selaras dengan objektif di sebalik kajian mereka sama ada baik mahupun sebaliknya.

Produk kosmetik ketika ini menjadi terkenal dalam aliran semasa rentetan dari permintaan yang tinggi, serta fitrah manusia terutamanya wanita yang menginginkan keadaan bersih dan cantik. Rata-rata pengguna lebih memilih untuk mengambil pendekatan kosmetik berbentuk organik berikutan kosmetik yang bukan organik berkemungkinan mengandungi bahan kimia berbahaya atau produk bersasaskan haiwan (Ahmad *et al.*, 2015).

Kosmetik halal juga adalah salah satu cabang dakwah apabila telah diserapkan sebagai pendirian bahawasanya barangan halal adalah bersih dan terjamin. Sebagaimana bagusnya barangan kosmetik organik sebegitulah barangan kosmetik halal. Sekiranya dilaksanakan dengan baik serta mengikut cara-cara yang betul, secara tidak langsung industri barangan halal mampu digunakan sebagai pendekatan dakwah yang berkesan dan berjaya.

CABARAN BARANGAN HALAL

Cabaran utama menjadikan barangan halal sebagai medium dakwah adalah dari segi pemasaran terutama kepada non-Muslim. Halal boleh diterapkan sebagai satu bentuk dakwah kerana setiap perbuatan yang baik itu boleh dijadikan contoh sekali gus membawa imej yang baik kepada agama Islam. Dalam hal ini, dakwah yang merangkumi maksud kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan adalah akan berkesan dengan memberi contoh dan tanggapan yang baik terhadap Islam, bukan secara paksaan.

Menurut Pew Research Center (2015) (fakta sembilan), Islam agama yang paling pesat berkembang di A.S dan diunjurkan akan menjadi agama bukan Kristian yang terbesar pada tahun 2050 (Ahmad *et al.*, 2015 & Kamarulzaman *et al.*, 2015), boleh dikembangkan secara tidak langsung menerusi pasaran barangan halal.

Pemasaran makanan halal ke negara bukan Islam bukan sekadar mampu menjana ekonomi umat Islam, tetapi juga menjadi medium dakwah. Walau bagaimanapun, usaha dakwah mempunyai cabaran yang tersendiri untuk direalisasikan. Cabaran ini lebih bersifat ekonomi apabila salah satu kaedah penyebaran dakwah melalui makanan halal yang dipasarkan ke negara bukan Islam. Antara cabaran menerusi usaha ini adalah kesukaran menembusi pasaran negara-negara bukan Islam yang tidak memberi peluang untuk produk negara Islam dipasarkan di negara mereka. Ini adalah kerana peluang yang ada dipenuhi dengan mengambil barangan dari negara mereka sendiri terlebih dahulu sebelum memberi peluang kepada negara lain.

Selain daripada kesukaran menembusi pasaran, orang atau negara bukan Islam kini lebih cenderung untuk mengeluarkan makanan halal mereka sendiri (RM Yunos *et al.*, 2014). Ini adalah berikutan makanan halal kini telah diperkenalkan sebagai makanan penanda aras jaminan keselamatan dan kualiti. Makanan halal tidak lagi dikonsumsi oleh kira-kira 1.5 bilion umat Islam di seluruh dunia malahan pelbagai kaum dan agama yang mencari makanan bersih lagi suci.

Golnez dan rakan (2010) dalam kajian mereka menunjukkan penduduk Perancis suka membeli daging halal bukan kerana agama, tetapi kerana daging yang diyakini bersih. Antara negara bukan Islam yang semakin aktif meningkatkan produk halal mereka adalah Thailand, Brazil, Argentina, Australia dan New Zealand (Muhammad.N.M.N, *et al.*, 2009).

Hal ini menambahkan persaingan kepada umat Islam dan negara Islam dalam usaha pendakwahan agama Islam dilaksanakan. Umat Islam sepatutnya menegakkan panji-panji dan hukum agamanya sendiri kerana jika orang bukan Islam yang memasarkan barangan halal, ia sekadar usaha perniagaan ke arah keuntungan semata-mata tanpa ada mesej dakwah untuk mencari reda Allah dan sebagainya.

Selain persaingan dengan pengeluar makanan halal berasal daripada negara bukan Islam, usaha ini juga dikekang dengan makanan bukan halal yang lain. Produk halal di negara bukan Islam juga kebanyakannya digunakan oleh pengguna Islam sahaja. Objektif pemasaran yang sebenar adalah mensasarkan pengguna dalam kalangan bukan Islam bagi menjamin kejayaan dakwah (Ahmad A.N *et al.*, 2015).

Rahimah Mohamed Yunos dan rakan (2014) dalam kajian mereka ada menyebutkan bahawasanya pengeluar produk halal ini mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang cetek dalam bidang pembangunan produk. Ini dibuktikan dengan produk halal kelihatan tidak menarik dan kebanyakan produk tidak mengikut kehendak perlabelan standard terutamanya pada bahagian jangka hayat produk. Tambahan pula pengeluar dan pembekal produk halal ini juga kekurangan pemahaman dan kesedaran tentang pemilihan dan kemahuan pengguna. Malaysia berpotensi menjadi hub halal dan beroperasi sebagai pengeluar produk makanan halal kepada negara bukan Islam yang berjaya, namun ternyata usaha ini bukan mudah.

Pemasalahan ini tidaklah terhad kepada pemasaran di negara bukan Islam sahaja malah juga dalam negara Islam. Di Malaysia, tiada kekangan bagi kaum lain yang bukan Islam untuk membeli makanan halal. Hal ini kerana mereka ternyata faham akan maksud makanan halal selain tiada halangan untuk mengambil makanan tersebut. Namun cabaran pemasaran timbul apabila faedah dan kaedah pengeluaran makanan halal ini tidak dijelaskan dengan baik seperti contoh penjelasan terhadap keperluan penyembelihan haiwan.

Kekaburan ini secara tidak langsung menyebabkan kegiatan dakwah, iaitu penerangan tentang hikmah penyembelihan menjadi tidak jelas kepada non-Muslim. Kesannya, mereka menganggap sembelihan binatang sebagai kejam. Mereka berpendapat kaedah penyembelihan ini kejam kepada binatang dengan mengatakan haiwan yang disembelih menderita kira-kira dua minit sebelum berdarah sehingga mati (Golnaz *et al.*, 2010, Aziz and Chok, 2013). Merungkai cabaran pendakwahan melalui penyembelihan halal, terdapat kajian yang menerangkan bahawa kaedah penyembelihan haiwan yang dilakukan secara sah mengikut ajaran Islam adalah cara sembelihan yang terbaik sepertimana ditentukan oleh Allah SWT.

Selain itu, timbul pemasalahan di mana berlaku pertindanan rujukan bidang kuasa terhadap urusan barangan halal yang menjadi punca kekeliruan pengguna. Bagaimanapun perkembangan mutakhir di negara kita menunjukkan wujud keselarasan pengurusan halal melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan beberapa agensi lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan (KPDNKK), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) menyokong yang

secara tidak langsung menjadi medium dakwah melalui peranan, bidang kuasa dan perundangan tersendiri (Shahwahid F. et al., 2015).

CARA MENGATASI CABARAN

Perkembangan mutakhir menyaksikan industri makanan halal dan perkhidmatan perbankan Islam meningkat popular dalam kalangan bukan Muslim telah membantu perkembangan sektor industri ini dengan lebih cepat (Asian World Street Journal, 2005). Selama beberapa tahun kebelakangan ini, industri halal dilihat semakin stabil jauh berbeza sejak ia mula diperkenalkan dahulu. Begitupun, setiap perkara yang berlaku pasti terdapat cabarannya yang tersendiri, namun segala cabaran ini mampu diatasi jika ditangani dengan cara yang sistematik. Berikutan kesukaran produk halal untuk memasuki pasaran ke negara tertentu terutamanya negara bukan Islam suatu sistem harus diimplikasikan untuk menjamin kebolehpayaan sesebuah produk memasuki pasaran seterusnya bersaing bersama produk tidak halal yang lain.

Strategi yang boleh digunakan sewaktu melakukan promosi atau pemasaran barangan halal melalui pengiklanan dan penjenamaan produk adalah jaminan kualiti pada produk yang dipasarkan (Chok dan Aziz 2012). Selain strategi ini, strategi yang patut diadaptasikan ke dalam proses ini adalah sistem rantai bekalan (supply chain) di mana sistem ini adalah satu sistem organisasi, manusia, aktiviti, maklumat dan sumber yang terlibat dalam menggerakkan produk atau perkhidmatan daripada pembekal itu sendiri kepada pelanggan. Aktiviti rantai bekalan ini melibatkan transformasi sumber asli, bahan-bahan mentah, dan komponen produk siap yang akhirnya dihantar kepada pelanggan. Dalam sistem rantai bekalan yang canggih, produk yang digunakan boleh dimasukkan semula ke dalam mana-mana sistem rangkaian sekiranya boleh dikitar semula. Sistem ini diadaptasikan untuk meningkatkan prestasi jangka panjang syarikat-syarikat individu dan rantai bekalan secara keseluruhan (Muhammad et al., 2009).

Nik Maheran Nik Muhammad dan rakan (2009) telah membuat beberapa cadangan di dalam kajian mereka yang mana pengeluar produk boleh juga mengaplikasikan ke dalam rangkaian perniagaan. Selain sistem rantai bekalan, sistem kecerdasan pemasaran (marketing intelligence) juga perlu ditetapkan di dalam rangkaian perniagaan. Kecerdasan pemasaran adalah maklumat harian yang berkaitan dengan pasaran syarikat, dikumpul dan dianalisis secara khusus untuk tujuan yang tepat dan ketepatan membuat keputusan dalam menentukan peluang pasaran, strategi penembusan pasaran, dan matrik pembangunan pasaran.

Sistem ini adalah wajib untuk memasuki pasaran asing. Jika sistem ini diadaptasikan oleh sesuatu rangkaian yang membuat pelaburan sewajarnya dalam bentuk sumber dalaman pengprosesan, menurut Nik Maheran Nik Muhammad (2009), ia boleh meningkatkan hubungan antara kesepaduan rantai bekalan dan sistem jaminan halal. Pelaburan yang dimaksudkan adalah termasuk penyelidikan dan kemajuan dalam bidang-bidang berkaitan.

Logo halal pada setiap produk di pasaran adalah sebagai penunjuk khasnya kepada muslim dimana produk tersebut boleh dikonsumsi dengan yakin (RM Yunos *et al.*, 2014). Sistem jaminan Halal (Halal assurance system) adalah sistem yang harus diterapkan oleh setiap pengeluar produk halal. Sistem yang diterapkan berdasarkan tiga konsep iaitu had sifar (zero limit), kecacatan sifar (zero defect) dan risiko sifar (zero risk) (Muhammad *et al.*, 2009).

Walaupun bagaimanapun, dalam sebuah kajian pada tahun 2008, pelanggan Muslim di Belgium lebih memilih daging yang dijual di pasaraya kerana mempunyai maklumat tentang kebersihan dan kawalan pada daging berkenaan, sementara maklumat sedemikian tidak terdapat pada penjual Muslim (Bonne dan Verbeke, 2008). Oleh yang demikian, walaupun terdapat logo halal pada produk, ini tidak mencukupi untuk menembus pasaran luar kerana para pengguna kini bijak memilih dengan membaca segala maklumat yang terdapat pada produk. Pengeluar harus bijak mengemukakan maklumat berkaitan demi menjamin keyakinan pengguna.

Cabaran pemasaran global sentiasa dialami oleh negara Islam untuk pemasaran ke luar negara. Malaysia tidak terkecuali, negara Malaysia sedang bergiat aktif untuk melestarikan dan menstabilkan ekonomi produk halal di peringkat global. Halal Industry Development Corporation (HDC) adalah sebuah agensi kerajaan yang lebih menumpukan kepada pembangunan industri halal ke peringkat global dan pemasaran. Seiring dengan aspirasi YAB Perdana Menteri ketika itu, iaitu Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab halal antarabangsa. HDC berperanan untuk memastikan integriti produk halal, menjamin kualiti yang baik dan memenuhi kehendak prinsip syariah dan industri komersial. Setakat ini HDC telah membantu kira-kira 700 syarikat tempatan menempa peluang di peringkat global melalui Program Transformasi Perniagaan Halal (Wahab *et al.*, 2015). Sehubungan dengan ini wajarlah kiranya untuk meminta pertolongan pihak berwajib bagi menyelaraskan pemasaran peringkat global ini sekali gus bersama menerapkan dakwah di peringkat antarabangsa.

Manusia lazimnya akan bertindak balas sekiranya dipertemukan dengan sesuatu yang mereka tidak tahu. Secara fitrahnya kita lebih mudah menolak sesuatu daripada mengambil tahu. Sifat ini perlu diubah dalam menjamin kefahaman kepada sesuatu. Tidak mengetahui bukanlah bermaksud sesuatu benda itu perlu dielak mahupun ditakuti. Konsep yang sama harus diterapkan di dalam situasi produk halal oleh non Muslim. Memahami mengapa dan bagaimana pengguna melihat produk makanan halal menyebabkan pengeluar meningkatkan tahap kesedaran tentang pengetahuan prinsip halal dan proses makanan halal. Pengeluar juga akan mendapatkan cara yang paling berkesan untuk berkomunikasi dan maklumat pemasaran kepada pengguna (Golnaz *et al.*, 2010). Hipotesisnya kesedaran berperanan penting dalam menentukan niat untuk memilih (Aziz dan Chok 2012). Mendidik pengguna tentang produk halal adalah penting untuk menyerlahkan kepentingan memakan makanan halal, bukan sahaja kepada bukan Islam tetapi juga untuk umat Islam (RM Yunos *et al.*, 2014).

Masyarakat non Muslim menolak daging halal hanya kerana kaedah penyembelihannya yang menurut mereka kaedah penyembelihan Islam adalah kejam dan tidak berperikemanusiaan terhadap haiwan sembelihan (RM Yunos *et al.*, 2014, Golnaz *et al.*, 2010). Di sinilah kepentingan ilmu itu patut diadaptasi. Awal tahun 1927, Bongart, seorang saintis Jerman bersama pasukannya melakukan kajian menyeluruh tentang penyembelihan anak lembu. Setelah melakukan kajian menyeluruh mereka menyimpulkan sekiranya ritual penyembelihan tersebut dilakukan dengan cara yang betul maka tiada kekejaman yang berlaku terhadap haiwan sembelihan.

Hal ini demikian selaras dengan antara syarat-syarat sebelum sembelihan dilakukan adalah menggunakan senjata yang tajam sebagaimana Nabi Muhammad S.A.W pernah mengarahkan supaya pisau yang digunakan harus benar-benar tajam untuk mengurangi rasa sakit. Selain menyebut nama Allah S.W.T seperti yang ditulis dalam surah Al-An'am ayat 121, Islam menjelaskan proses penyembelihan harus dilakukan dengan pantas untuk memutuskan dua urat dileher haiwan yang bersambung dengan otak, di mana saraf ini menghantar mesej sakit ke otak.

Menurut kajian Aisha El-Awadiyy (2003), kaedah penyembelihan Islam adalah dengan memastikan saluran udara, kerongkong dan dua urat leher dipotong tanpa menjejaskan saraf tunjang haiwan berkenaan. Tahun 1964 menyaksikan seorang sarjana Eropah, iaitu Spoerri telah membuat kajian yang sama dengan kajian Bongart di mana 50 haiwan telah disembelihan. Malah kajian beliau turut membandingkan kaedah pembunuhan menggunakan elektrik atau gas. Penyelidikan tersebut membandingkan rasa sakit diantara ketiga-tiga cara yang disebut. Hasil mendapati amalan sembelihan tidak menunjukkan rasa sakit berbanding kaedah selain penyembelihan Islam.

Wilhelm Schulze dan Hazim dari Jabatan Perubatan Veterinar, Universiti Hannover, Jerman menyelidik kaedah terbaik mematikan haiwan yang paling baik untuk mendapatkan daging yang bersih dan segar. Kajian mereka yang bertajuk

'Cubaan untuk mengesan kesakitan dan rasa sedar mengikut kaedah konvensional dan agama ketika menyembelih lembu atau kambing', memasang alat pengesan pada beberapa bahagian otak haiwan melalui pembedahan. Kajian mereka membuat perbandingan antara beberapa haiwan yang disembelih mengikut cara Islam dan sebahagian lain dibunuh menggunakan kaedah konvensional, yakni melalui pistol kejutan *captive bolt pistol* (CBP). Ketika proses penyembelihan dijalankan rekod electroencephalograph (EEG) dan juga electrocardiogram (ECG) diambil untuk mengikuti perkembangan yang terjadi ke atas jantung dan otak haiwan ini ketika proses penyembelihan dan kaedah CBP dilakukan (Schulze and Hazim, 2001).

Hasil penyelidikan mendapati tiga saat pertama haiwan disembelih, rekod bacaan EEG menunjukkan bacaan yang sama seperti sebelum haiwan disembelih. Ini menunjukkan haiwan tidak merasa kesakitan yang ketara semasa pisau diletakkan di leher haiwan. Berikutnya, tiga saat lagi masa direkod dan EEG menunjukkan keadaan tidak sedarkan diri dan hal ini demikian kerana banyak darah mengalir keluar dari badan haiwan tersebut. Selepas enam saat, bacaan EEG menunjukkan paras sifar dimana situasi ini menunjukkan haiwan tidak merasai sebarang kesakitan. Ketika EEG menunjukkan paras sifar, kadar jantung haiwan tersebut masih dikira, bacaan ECG menunjukkan pergerakan dimana jantung haiwan masih mengepam akibat daripada tidak balas saraf dan darah dikeluarkan dari badan. Darah yang telah dibuang keluar ini menghasilkan daging yang lebih bersih dan selamat untuk dimakan (Schulze and Hazim, 2001).

Hasil ujian melalui kaedah tembakan CBP pula menunjukkan bacaan EEG yang tinggi semasa haiwan menerima tembakan. Bacaan EEG ini menunjukkan keadaan terkejut dan kesakitan terhadap haiwan. Haiwan yang menerima tembakan pengsan sebaik sahaja menerima tembakan. Kaedah ini menyebabkan jantung haiwan berhenti dengan lebih cepat dan mengakibatkan darah masih tinggal di dalam daging haiwan tersebut. Daging yang masih berdarah tidak baik untuk dimakan kerana darah bertindak sebagai perantara kepada mikro organisma yang boleh mengakibatkan daging tidak bersih dan bertoksik (El-Awadiyy, 2003).

Secara ringkas, boleh dikatakan jika barangan halal mampu menembusi pasaran negara bukan Islam, serta sistem pembukusan produk halal diuruskan secara sistematik serta saluran maklumat terhadap makanan dan produk halal dilakukan secara tersusun, tidak mustahil barangan halal lebih cepat berkembang dan menjadi budaya dalam kalangan pengguna. Situasi ini secara tidak langsung mampu membentuk imej baik barangan halal sekali gus mewarnai keindahan iklim dakwah menerusi penggunaan barangan halal.

PENUTUP

Kesimpulannya, selain daripada aktiviti dakwah secara terang-terangan, pendekatan dakwah secara tersirat boleh dicapai dengan berkesan seandainya langkah-langkah yang betul dilaksanakan. Berdakwah melalui barangan atau makanan halal bukan sahaja dapat menjelaskan keindahan dan menarik minat manusia kepada Islam, malah bertindak sebagai jambatan bagi membina hubungan baik antara manusia dan menjana kekuatan ekonomi umat Islam serata dunia.

Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk mempunyai potensi besar bukan sekadar untuk menjadi sebuah negara berasaskan hub-halal, tetapi dalam masa yang sama menyebarkan dakwah secara tidak langsung bagi meninggikan kalimah Allah secara aktif. Barangan, perkhidmatan dan produk halal bukan sahaja mengandungi penuh manfaat, malah juga boleh menjadi sumber asas dakwah secara hikmah kepada bukan Islam sekiranya elemen-elemen pendidikan dan kesedaran diterapkan dengan cara yang baik.

Perlu juga dirumuskan bahawa akhlak atau pengurusan yang baik dengan penuh hikmah amat penting dalam memastikan barangan dan kepenggunaan halal berjaya. Sesungguhnya dengan menunjukkan akhlak yang baik terutamanya melalui penggunaan barangan atau makanan halal boleh menjadikan Islam berkembang pesat

baik dari sudut ekonomi dan juga kestabilan hubungan diplomatik antara negara bukan Islam dan negara Islam. Akhlak yang baik sangat perlu untuk menjadi medium dakwah secara tidak langsung sepertimana tingginya akhlak baginda Rasulullah SAW. Hal ini selaras dengan penegasan Allah bermaksud: “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu, (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat, dan dia banyak menyebut nama Allah” (al-Ahzab, 33: 21).

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an (30 Juz)*, Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahmad Sunawari Long. 2006. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM
- Mathew B Miles dan Micheal Huberman. 1984. *Qualitative Data Analysis*. Beverly Hill: Age Publication.
- Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuniyy. 1411H. *al-Madkhal Ila 'Ilm al-Da'wah*. T.tp: Mu'assasat al-Risalah.
- Ahlam Nuwairah Ahmad, Azmawani Abd Rahman & Suhaimi Ab Rahman. 2015. *Assessing Knowledge and Religiosity on Customer Behavior Towards Halal Food and Cosmetic Products*. International Journal of Science and Humanity, Vol 5 (1).
- Farah Mohd Shahwahid, Norazla Abdul Wahab, Syaripah Nazirah Syed Ager, Marliana Abdullah, Nor 'Adha Abdul Hamid, Wawarah Saidpudin, Surianom Miskam & Norziah Othman. 2015. *Peranan Agensi Kerajaan Dalam Mengurus Industri Halal di Malaysia: Isu dan Cabaran yang Dihadapi*. World Academic and Research Congress, 287336240.
- Karijn Bonne and Wim Verbeke. 2008. *Religious Values Informing Halal Meat Production And The Control And Delivery Of Halal Credence Quality*. Agriculture and Human Values, 23:35-47.
- Nik Maheran Nik Muhammad, Filzah Md Isa & Bidin Chee Kifli. 2009. *Positioning Malaysia as Halal-Hub: Integration Role of Supply Chain Strategy and Halal Assurance System*. Asian Social Science, Vol 5, No 7.
- R. Golnaz, M. Zainal Abidin, S. Mad Nasir, and F.C.Eddie Chiew. 2010. *Non-Muslims' Awareness Of Halal Principles And Related Food Products In Malaysia*, International Food Research Journal, 17: 667-674.
- Rahimah Mohamed Yunos, Che Faridah Che Mahmood & Nor Hafizah Abd Mansor. 2014. *Understanding Mechanisms to Promote Halal Industry-The Stakeholder Views*. Procedia Social and Behavioral Sciences, 130, 160-166.
- Schulze, W. and Hazim. 2001. *Islamic Slaughter Is The Humane, Method Of Slaughter*. Islamic Voice, 12 (5) 137.
- Yuhanis Abdul Aziz & Nyen Vui Chok. 2012. *The Role of Halal Awareness, Halal Certification, and Marketing Components in Determining Halal Purchase Intention Among Non-Muslims in Malaysia: A Structural Equation Modeling Approach*. Journal of International Food & Agribusiness Marketing, 1528-6983.
- Yusniza Kamarulzaman, Ann Veeck, Alhassan G. Mumuni, Mushtaq Luqmani and Zahir A. Quraeshi. 2015. *Religion, Markets, and Digital Media: Seeking Halal Food in the U.S*. Journal of Macromarketing, Vol. 36(4) 400-411.
- Yunus Olalekan Muhammadul-Awwal. 2015. *Importance of Entrepreneurship in the Effectiveness of Da'i*. E-Journal of Arabic Studies and Islamic Civilization, (E-ISSN 2289 – 6759): 106-119 (WorldConferences.net).

Internet

- Ahmad Buang. 2013, Oktober 13. *Makanan Halal Dan Haram*. Retrieved from <http://www.madrah.net>.
- Aisha El-Awadiyy. 2003, Februari, 2. *Is Islamic Slaughtering Cruel to Animals?* Retrieved by <http://www.halalhmc.org>.

Fastabiqul Khairah. 2008, November 11. *Makanan Yang Halal Menurut Islam*. Retrieved from <https://4moslem.wordpress.com>.

Muhammad, R. 2007. Branding Halal Food as Safe, Healthy and Clean. *Halal Journal*, available at: [http:// www.halaljournal.com/article/635/branding-halalfood-as-safe,-healthy-and-clean](http://www.halaljournal.com/article/635/branding-halalfood-as-safe,-healthy-and-clean)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.